

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/(74)

Tarikh : 6 Julai 2000

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.**

**Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.**

Pengarah
Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya
88582 KOTA KINABALU.

Pengarah
Jabatan Pengiaran Dan Saliran
Tingkat 5 Dan 6, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 KOTA KINABALU.

Y. Bhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 07 TAHUN 2000**

PROJEK SAKIT DAN KONTRAKTOR BERMASALAH

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y.Bhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, projek-projek pembangunan dibawah Rancangan Malaysia Ke 7 hampir selesai sementara Rancangan Malaysia Ke 8 akan bermula tidak lama lagi. Sepertimana Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum bahawa rekod telah menunjukkan bagi projek-projek pembangunan terdahulu terdapat projek-projek yang dikategorikan sebagai projek sakit dan kontraktor bermasalah. Keadaan ini menyebabkan kesusahan kepada rakyat dan kerugian kepada Kerajaan.

3. Sehubungan dengan itu, Pejabat ini berharap agar Y.Bhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan dapatlah terus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya kearah memastikan sesuatu projek yang dilaksanakan dibawah agensi Y.Bhg.Datuk/Tuan/Puan dapat disiapkan mengikut jadual yang telah dirancangan.

4. Lanjutan daripada itu, sukacita pejabat ini mencadangkan beberapa langkah yang boleh dilaksanakan oleh Jabatan Y.Bhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan seperti berikut:

- 4.1. Mengadakan mesyuarat tapak yang lebih kerap bersama kontraktor bagi tujuan pemantauan pelaksanaan projek.
- 4.2. Petender disyaratkan melawat tapak bina dan mendengar taklimat projek.
- 4.3. Bayaran-bayaran berkaitan dengan pelaksanaan kontrak dijelaskan dengan segera.
- 4.4. Sentiasa mengadakan perbincangan bersama-sama kontraktor dengan pegawai-pegawai Jabatan yang terlibat di dalam pelaksanaan projek.
- 4.5. Sewaktu menandatangani kontrak, diadakan majlis akad sumpah/akujanji.
- 4.6. Kontraktor yang menunjukkan prestasi yang baik dan cemerlang diberi penghargaan yang bersesuaian.
- 4.7. Jurutera Bahagian/Daerah perlu memantau kemajuan pelaksanaan projek dan jika terdapat masalah hendaklah segera melapurkan kepada Ibu Pejabat bersama dengan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah tersebut.
- 4.8. Tidak terikat untuk memperakukan tawaran terendah.
- 4.9. Kertas taklimat tender hendaklah berpandukan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kerja Raya atau yang mana berkaitan.
- 4.10. Pegawai-Pegawai hendaklah jujur dan amanah dan bukan mendorong/mengarah kontraktor yang berjaya untuk 'Sub-Kontrak'.
- 4.11. Mengambil tindakan penguatkuasaan kontrak dengan segera ke atas kontraktor yang terlibat.
- 4.12. Melarang kontraktor yang berjaya untuk mengamalkan 'Sub-Kontrak'.
- 4.13. Perakuan kepada Lembaga Perolehan yang disediakan oleh Jabatan Pelaksana hendaklah sesuai, tepat dan jelas.
- 4.14. Anggaran projek hendaklah tepat dan tidak dipersoalkan lagi.

5. Segala perhatian dan kerjasama Y.Bhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini sangatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

T.T

(DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah.